



STATUS KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE PROGRAM ASASIpintar UKM BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF SESI AKADEMIK 2012/2013

1. Sukacita dimaklumkan bahawa status keputusan permohonan kemasukan ke Program ASASIpintar Universiti Kebangsaan Malaysia bagi Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf boleh disemak mulai **7 Mei 2012 (Isnin) mulai jam 12.00 tengah hari.**
2. Calon dikehendaki menyemak maklumat tawaran dan boleh mencetak surat tawaran rasmi melalui Infoline UKM di talian <http://www.ukm.my/kemasukan/tawaran>.
3. Semua calon yang berjaya dikehendaki membuat **pengesahan penerimaan tawaran** program ASASIpintar UKM **dalam tempoh 7 hari bekerja** iaitu **pada atau sebelum 15 Mei 2012**. Pengesahan penerimaan tawaran boleh dibuat melalui Infoline UKM <http://www.ukm.my/kemasukan/tawaran>.
4. **Tarikh pendaftaran** pelajar baharu ke Program ASASIpintar UKM ialah pada **23 Mei 2012 hari Rabu mulai jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.**
5. **Tempat pendaftaran** ialah di **Kolej Pendeta Za'ba, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.**
6. Bagi kemasukan Sesi Akademik 2012-2013 (tahun pertama UKM menawarkan program ASASIpintar), semua permohonan secara atas talian dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan dan Kemasukan Pelajar (UPU) sebagai agensi penyelarasan kemasukan ke IPTA/Politeknik Premier.
7. Unjuranambilan yang ditetapkan oleh UKM bagi kemasukan ke Program ASASIpintar ialah **100 tempat** sahaja.
8. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh UPU, Program ASASIpintar menerima permohonan sebanyak **5,730 permohonan** dari calon Lepas SPM/Setaraf tahun semasa iaitu calon yang menduduki peperiksaan SPM tahun 2011.
9. Pemilihan calon yang berjaya ke Program ASASIpintar adalah tertakluk kepada memenuhi **Syarat Am dan Syarat Khas Program** iaitu:

'Warganegara Malaysia dengan mendapat sekurang-kurangnya **Gred A** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut;

- Bahasa Malaysia
- Biologi / Fizik
- Matematik
- Matematik Tambahan
- Kimia
- Bahasa Inggeris

10. Calon boleh menghubungi **Bahagian Pengurusan Akademik UKM** di talian **03-8921 5336 / 5041 / 4126** atau **Pusat PERMATApintar Negara** di talian **03-8921 6265 / 7507**.

Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia.